

19/05/1998

## Pentingnya Sudan kepada Malaysia

Mior Kamarul Shahid

MINGGU lalu Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berada di Sudan, sebuah negara terbesar di Afrika. Ramai yang tertanya-tanya apakah pentingnya Sudan sebagai rakan dagangan sedangkan hasil yang boleh dibawa balik terlalu kecil dan kebelakangan ini menunjukkan kemerosotan ketara. Adakah disebabkan Sudan tidak menjadi tumpuan Amerika Syarikat, maka Malaysia mahu mengambil kesempatan daripadanya? Apakah keputusan untuk menjadikan Sudan sebagai pintu masuk barangan dagangan ke negara Afrika, sebagai idea yang baik? Banyak persoalan mengenai Sudan sukar dijawab tidak pernah mengkaji kepentingan dan potensi negara itu.

Di Sudan, Dr Mahathir bukan saja dikenali pemimpinnya, malah ramai rakyat negara ini mengenali Dr Mahathir terutama di kalangan masyarakat universiti. Menurut beberapa rakyat Sudan mereka banyak mengetahui mengenai Dr Mahathir menerusi siaran radio. Kita tidak tahu gelombang mana yang mereka gunakan tapi yang nyata, mereka mengiktiraf Dr Mahathir sebagai pemimpin dunia. Ini jelas disebut ketika anugerah doktor falsafah undang-undang kepada Dr Mahathir di Universiti Khartoum, Rabu lalu.

Di Sudan peluang perniagaan begitu luas, tetapi banyak halangan yang terpaksa diperbetulkan. Ini termasuk cara pembayaran dalam segala urusan niaga. Berbanding dengan negara lain di dunia, di Sudan penerimaan mereka terhadap sistem urusan niaga ala-Amerika Syarikat, malah dolar Amerika begitu rendah. Jika hanya membawa cek perjalanan untuk diharapkan ditukar di bank-bank di negara ini, lupakan saja.

Mereka tidak akan menerimanya. Mereka lebih suka menerima mata wang negara lain yang berhampiran dan ada kaitan hubungan dagang dengan mereka. Mereka juga tidak menggunakan kad kredit sebagai urusan niaga penting. Untuk itu, dalam banyak hal, kad kredit hanya boleh digunakan untuk tujuan mengurus niaga tidak lebih AS\$1,500 saja. Ia dilihat sebagai menimbulkan kesusahan dan menghalang kehadiran pelancong tetapi Sudan mempunyai rahsia mengenainya.

Malaysia mungkin melihat Sudan sebagai sebuah rakan niaga yang berpotensi tetapi ia tentunya memerlukan kerjasama sektor swasta. Nampaknya, sektor swasta mula menaruh minat terhadap potensi Sudan. Advance Synergy Berhad, umpamanya, membuka sebuah hotel di sini, selain Petronas yang menjalankan operasi cari gali petroleum dan gas.

Dr Mahathir berada di Khartoum, sebaik saja selesai menghadiri sidang kemuncak ketua-ketua negara dan kerajaan kumpulan 15 (G15) yang banyak memberi tumpuan kepada soal ekonomi dan kegawatan ekonomi di Asia Timur. Sudah tentunya, beliau membawa mesej ketika berunding dengan pemimpin Sudan, tambahan pula Sudan adalah sebuah negara yang pernah menanggung pahit akibat pinjaman Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF). Lawatan Dr Mahathir perlu dilihat dalam konteks yang lebih besar. Selepas bertemu dengan 16 ketua negara, dalam G15, beliau melanjutkan usaha itu kepada Sudan.

Bayangkan jika semua pemimpin negara G15 berbuat demikian, mesej G15 lebih mudah disalurkan kepada negara di luar kumpulan itu. G15 semata-mata belum kuat untuk mempengaruhi negara yang kaya berkuasa. G15 memerlukan sokongan pertubuhan lain dan negara individu, untuk menyokong gagasan mereka. Hanya menerusi cara ini boleh dijadikan tekanan kepada negara maju.

Hari ini tidak boleh dinafikan lagi bahawa gagasan Dr Mahathir mengenai perlunya satu peraturan urusan niaga mata wang sudah didengari di seluruh

dunia. Menerusi Asean, G15, Pertubuhan Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan Komanwel (Chogm), Dialog Asean-Eropah (Asem) dan sebagainya, ia sudah menjadi agenda perbincangan. Menerusi Apec isu yang sama sudah dibangkitkan. Begitu juga kepada pelbagai institusi penting dunia, selain IMF, Unctad dan Bank Dunia yang menghantar wakil setiap kali ada persidangan berbau ekonomi diadakan. Isu yang dibangkitkan Dr Mahathir sudah pun dalam perhatian pemimpin dunia sama ada Perdana Menteri Britain, Tony Blair atau Presiden Amerika, Bill Clinton.

Di kalangan sesetengah pihak, mereka mungkin melihat cadangan Dr Mahathir sebagai sesuatu yang mustahil dilaksanakan. Tetapi, setidaknya mereka mulai sedar bahawa sistem hari ini mempunyai kesan buruk yang boleh mengancam keselamatan sesebuah negara. Jika mereka mengatakan cadangan Dr Mahathir tidak praktikal, kita mengalu-alukan idea baru yang lebih baik.

Soal cadangan Dr Mahathir diterima atau ditolak, bukan isu utama. Asalkan ada usaha positif untuk membetulkan kepincangan dalam pasaran wang, kita menganggapnya sebagai satu anjakan baru.

Sudan mempunyai pengalaman ekonomi yang boleh dipelajari. Tentunya negara itu juga boleh belajar daripada pengalaman Malaysia. Sekurang-kurangnya Malaysia memaklumkan kepada Sudan mengenai bahaya yang akan melanda jika menerusi sistem kuasa pasaran. Sebagai negara luar G15, Sudan dapat berkongsi maklumat mengenai pandangan pemimpin negara anggota yang lain. Inilah yang dikatakan hubungan yang saling bergantung maklumat.

(END)